

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat bagi 9 Jun 2014 hingga 19 Jun 2014, memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pendapatan daripada industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak disarankan bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum khususnya PETRONAS bagi turut serta terlibat dalam aktiviti hulu dan hilir petroleum di negeri masing-masing. Malah Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana yang agak besar kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membangunkan projek infrastruktur di negeri tersebut. Sebagai contoh, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 untuk projek Lebuh raya Pan Borneo yang menghubungkan Semantan, Sarawak sehingga Serudong, Sabah.

Sekian. Terima kasih.